

BAB 12

Panduan Kerja Lapangan

Induksi Bab

Kerja lapangan dilaksanakan bagi membolehkan murid mengkaji, memahami dan memberi pendapat tentang sesuatu isu yang telah dipilih. Kerja lapangan juga memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Oleh itu, kerja lapangan ini amat penting dilaksanakan bagi melahirkan murid yang mempunyai kemahiran berfikir, mentafsir dan berkomunikasi.



Apakah yang akan anda pelajari?

- ✓ Memilih isu atau tajuk kerja lapangan
- ✓ Menentukan objektif kerja lapangan
- ✓ Menentukan kaedah kerja lapangan
- ✓ Merekod, mengumpul dan menganalisis data atau maklumat
- ✓ Merumus dan membuat pelaporan tentang kerja lapangan

Info

Kemahiran Abad ke-21, KBAT, kemahiran mentafsir, kemahiran kajian masa depan, kemahiran sosial, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran TMK dapat diaplikasi melalui pelaksanaan kerja lapangan.

Sepintas lalu

1 Memilih isu atau tajuk kerja lapangan



2 Menentukan objektif kerja lapangan



Bagaimanakah anda menentukan objektif bagi sesebuah kerja lapangan?

3 Menentukan kaedah kerja lapangan



4 Merekod, mengumpul dan menganalisis data atau maklumat



Apakah kaedah yang paling sesuai untuk merekod, mengumpul dan menganalisis data atau maklumat yang diperoleh?


5 Merumus dan membuat pelaporan tentang kerja lapangan



12.1 Memilih Isu atau Tajuk Kerja Lapangan

Murid perlu memilih satu isu atau tajuk kerja lapangan berdasarkan tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 3 yang telah dipelajari. Berikut ialah kriteria pemilihan isu atau tajuk kerja lapangan:

- Berdasarkan idea baharu
- Tajuk yang dipilih perlulah difahami dengan jelas
- Elakkan memilih masalah atau isu yang terlalu umum
- Data mudah diperoleh dalam kajian lapangan yang dibuat



12.2 Menentukan Objektif Kerja Lapangan

Objektif kerja lapangan ialah perkara khusus yang ingin dicapai dalam sesuatu kerja lapangan yang dilakukan. Objektif mestilah boleh diukur dan menjelaskan tujuan kerja lapangan dengan lengkap dan ringkas. Objektif kerja lapangan dimulakan dengan kata kerja seperti:

Kata kerja	Huraian
Mengenal pasti ...	Mengetahui sehingga dapat menyatakan dengan pasti
Menghuraikan ...	Keterangan atau penjelasan mengenai sesuatu hal atau perkara
Membandingkan ...	Melihat dua perkara atau lebih untuk mengetahui persamaan dan perbezaan
Mencadangkan ...	Mengeluarkan buah fikiran, mengusulkan atau menyarankan tentang sesuatu perkara
Menjelaskan ...	Menerangkan secara lebih lanjut, menghuraikan sehingga jelas atau menyatakan untuk memberikan penerangan
Menentukan ...	Membuat kesimpulan atau keputusan daripada sesuatu perkara
Menganalisis ...	Menentukan masalah serta cara untuk menyelesaikan masalah, memperbaiki atau melaksanakan sesuatu sistem dengan berkesan
Menilai ...	Membuat pentaksiran tentang sesuatu perkara
Mengkaji ...	Menyelidik dan memeriksa sesuatu perkara dengan teliti

12.3 Menentukan Kaedah Kerja Lapangan

Data dan maklumat boleh dikumpulkan melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian, temu bual, soal selidik dan rujukan. Kaedah yang dipilih haruslah sesuai dengan tajuk dan jenis data yang diperlukan untuk dianalisis.

Pemerhatian

- Kaedah pemerhatian ialah cara mengumpul data atau maklumat dengan mengamati sesuatu yang ingin dikaji
- Pemerhatian yang dilakukan mestilah sistematik dan berfokus
- Pemerhatian melibatkan perkaitan antara ciri fizikal dengan ciri budaya di kawasan kerja lapangan
- Pengkaji akan memperoleh maklumat secara langsung
- Hasil pemerhatian perlu direkod
- Gunakan alatan bantuan teknologi seperti kamera atau perakam yang bersesuaian



Temu bual

- Melibatkan pengkaji dan responden
- Maklumat diperoleh secara lisan
- Pengkaji perlu menjelaskan maksud soalan dan kajian yang dilakukan secara jelas
- Senaraikan setiap soalan yang diperlukan
- Guna alat perakam untuk membolehkan semua maklumat direkod



Soal selidik

- Menyediakan borang soal selidik
- Soalan yang dikemukakan merangkumi keseluruhan objektif kerja lapangan
- Soalan yang ringkas, mudah difahami dan jelas
- Data perlu dianalisis untuk mendapatkan maklumat

Rujukan

- Kaedah ini boleh dilakukan dengan merujuk buku teks, buku rujukan, akhbar, majalah ilmiah, jurnal, Internet, orang sumber, agensi kerajaan dan agensi swasta
- Bahan-bahan yang dirujuk perlu dinyatakan sumber rujukan dalam laporan kerja lapangan



Data dan maklumat yang diperoleh melalui beberapa kaedah kajian harus dikumpul dan dianalisis. Persembahan data dan maklumat kebiasaannya ditunjukkan dalam bentuk peta pemikiran jadual dan rajah yang sesuai.


Contoh jadual:

Jadual 12.1 Masalah pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Masalah pelancongan di Presint 6	Bilangan responden
Tiada pengangkutan awam	9
Tiada gerai jualan	4
Tiada parkir	2
Jumlah	15

(Sumber: Soal selidik)

Contoh rajah:



Rajah 12.1 Graf bar mudah

Masalah Pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya



Rajah 12.2 Carta pai



Rumusan dilakukan berdasarkan data atau maklumat yang diperoleh manakala pelaporan kerja lapangan adalah mengikut garis panduan yang berikut:

Jadual 12.2 Format laporan kajian lapangan

Bil.	Kandungan	Halaman
1.	Penghargaan	
2.	Pendahuluan	
3.	Objektif kerja lapangan	
4.	Kawasan kerja lapangan	
5.	Kaedah kerja lapangan	
6.	Hasil kerja lapangan	
7.	Rumusan	
8.	Rujukan	
9.	Lampiran	

Penulisan pelaporan dijalankan di dalam bilik darjah pada waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP).



Kriteria dan proses kerja murid merangkumi:

Perancangan

- Jadual kerja
- Pengagihan kerja
- Objektif kajian
- Penentuan kaedah kajian

Proses awal

- Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber menggunakan kaedah yang sesuai

Laporan akhir

- Grafik
- Tafsiran konsep
- Isi utama, huraian atau contoh



Portal GEOGRAFI



Layari laman sesawang yang berikut untuk melihat contoh Laporan Kerja Lapangan:
<http://bukutekskssm.my/Geografi/Tingkatan3/Laporan.pdf>



Contoh Surat Makluman kepada Ibu Bapa/Penjaga

Nama sekolah
Alamat sekolah

Rujukan Kami:

Tarikh:

Kepada,
Ibu/Bapa/Penjaga

Tuan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Semua murid Tingkatan sekolah ini akan terlibat dalam kerja lapangan mata pelajaran Geografi bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Hasil kerja lapangan ini merupakan sebahagian daripada pentaksiran sekolah. Bagi tujuan ini, semua murid akan menjalankan kerja lapangan di luar waktu persekolahan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

4. Dimaklumkan juga bahawa kerja lapangan akan dijalankan pada *..... .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama Pengetua dan Cap Sekolah)

(Keratan jawapan)

Saya No. Kad Pengenalan
ibu/bapa/penjaga kepada murid bernama

Tingkatan membenarkan/tidak membenarkan anak di bawah jagaan saya
menjalankan kajian kerja lapangan pada tarikh tersebut.

Tandatangan: Nombor telefon:

Contoh Surat Makluman Akuan Diri Murid

Nama sekolah
Alamat sekolah

Rujukan Kami:
Tarikh:

Kepada sesiapa yang berkenaan.

Tuan/Puan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Pembawa surat ini No. Kad Pengenalan
ialah seorang murid Tingkatan di
Murid ini sedang melaksanakan kerja lapangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah
(KSSM) Geografi.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati jika pihak tuan/puan dapat memberi
kerjasama kepada murid ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

3. Kerjasama dan bantuan tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama Pengetua dan Cap Sekolah)

Contoh Surat Perakuan Murid Tentang Keaslian Kajian

Saya memperakui bahawa kerja lapangan bertajuk
di ini ialah hasil kerja saya sendiri
melainkan petikan, grafik, gambar dan rajah yang dinyatakan sumber rujukannya.

Saya dengan ini mengaku bahawa kerja lapangan ini adalah asli. Saya ialah satu-satunya
penulis kerja lapangan ini.

Yang benar,

.....
()

Disahkan oleh,

.....
()

Tarikh: